

25 SEP 1998

GERAKAN SOKONG TINDAKAN KERAJAAN JAGA KETENTERAMAN AWAM

NIBONG TEBAL, 25 Sept (Bernama) -- Parti Gerakan menyokong tindakan yang diambil kerajaan untuk menjaga ketenteraman awam dan kestabilan politik di negara ini.

Naib Presidennya, Dr Goh Cheng Teik berkata, parti itu juga menerima dengan baik penjelasan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas.

"Saya juga merayu anggota Gerakan membantu kerajaan untuk memberi penjelasan kepada kawan-kawan masing-masing supaya orang ramai memahami sebab-sebab tindakan diambil oleh kerajaan," katanya.

Goh yang juga Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir melawat Kilang Silitek Corp (M) Sdn Bhd dekat sini.

-- BERNAMA

AHM NMO